ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

Kesejahteraan Kewangan dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Financial Well -Being and Job Satisfaction Among the Teachers of the Ministry of Education Malaysia (MOE)

Asmah Ismail (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail : asmahis@upm.edu.my

Nordiana Abd Rahim
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail : Adiera_1983@yahoo.com

Abstrak

Kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru perlu diberi perhatian memandangkan guru adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses penyampaian ilmu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap serta hubungan kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sampel kajian terdiri daripada guru-guru di sebuah daerah di Negeri Perlis. Kajian ini menggunakan soal selidik kesejahteraan kewangan yang dibina oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling bersama-sama penyelidik (2018) serta soal selidik kepuasan kerja dengan menggunakan *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ) yang dibina oleh Weiss, Dewis, England & Lofquit, 1967. Instrumen kesejahteraan kewangan mempunyai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* .89 manakala Instrumen *Minnesota Statisfaction Questionnaire* (MSQ) mempunyai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* .90. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru-guru memperolehi peratusan yang tinggi bagi tahap kesejahteraan kewangan iaitu sebanyak 49.5% diikuti tahap sederhana sebanyak 42.7% dan tahap rendah sebanyak 7.8%. Manakala bagi tahap kepuasan kerja pula, didapati guru-guru memperolehi peratusan yang sederhana iaitu sebanyak 52.4% diikuti tahap rendah iaitu sebanyak 32% dan tahap tinggi iaitu sebanyak 15.5%. Selain itu, dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru. Pengkaji mencadangkan agar diperluaskan skop sampel kajian agar ianya lebih menyeluruh mewakili guru-guru di seluruh Malaysia. Selain itu, dapatan yang diperolehi dapat membantu mengadakan intervensi dalam meningkatkan lagi kesejahteraan kewangan serta kepuasan kerja guru seperti membina modul, psiko pendidikan, bimbingan dan sebagainya. Seterusnya, analisa kajian juga boleh diperluaskan dengan melihat perbezaan pemboleh ubah berdasarkan demografi kajian seperti perbezaan kesejahteraan kewangan guru berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gred perjawatan serta perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan pengalaman bekerja dan umur.

Kata Kunci: Kesejahteraan Kewangan; Kepuasan Kerja; Guru Kementerian Pendidikan Malaysia

Abstract

Teachers' financial well-being and job satisfaction are quintessential as teachers are the principal players entrusted in delivering knowledge. This research intended to identify the level and relationship of teachers' financial well-being and

job satisfaction in the Ministry of Education Malaysia (MOE). The study sample included teachers in a district in the State of Perlis. This investigation employed a financial well-being questionnaire established by the Division of Psychology and Counseling with researchers (2018) and a job satisfaction questionnaire utilising the Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ) introduced by Weiss, Dewis, England & Lofquit, 1967. Financial well-being instruments had an Alpha Cronbach reliability of .89, while the Minnesota Satisfaction Questionnaire Instrument (MSQ) had an Alpha Cronbach reliability of .90. The study outcomes confirmed that teachers obtained a high percentage of the level of the financial well-being of 49.5%, followed by a moderate level of 42.7% and a low level of 7.8%. As for job satisfaction, the data summarised that the teachers obtained a moderate percentage of 52.4%, followed by a low level of 32% and a high level of 15.5%. Ergo, the study's data discovered a notable relationship between financial well-being and job satisfaction among teachers. The researcher recommended that the scope of the study sample be expanded so that it becomes more comprehensive to represent teachers throughout Malaysia. Moreover, the results could aid interventions in further enhancing teachers' financial well-being and job satisfaction, such as formulating modules, psycho-education, and guidance. Furthermore, the research analysis could also be expanded by examining differences in variables based on study demographics, such as variations in teachers' financial well-being based on service and grade tenure and differences in teachers' job satisfaction based on work experience and age.

Keywords: *Financial Well-Being; Job satisfaction; Teachers of the Ministry of Education Malaysia*

Pengenalan

Guru merupakan aset utama dalam negara dan merupakan tonggak utama dalam dunia pendidikan. Ini kerana, guru merupakan pencetus kepada matlamat serta dasar kurikulum yang dikeluarkan pleh pihak kerjaaan. Ketidakterlibatan dan sokongan rendah daripada guru akan menjadikan sesebuah perancangan pendidikan tidak dapat dilaksanakan. Justeru itu, dunia pendidikan dan perguruan saling berkait rapat dalam memastikan kegemilangan dan kesemarakan sesebuah negara (Siraj & Ibrahim, 2012). Dalam pada itu, kewujudan guru dapat melahirkan aset-aset harapan yang akan menerajui sesebuah negara. Ini kerana, peranan guru dalam dunia pendidikan sangat penting bagi memastikan anak-anak dididik seiring dengan pemodenan zaman pada masa kini.

Rakyat Malaysia berasa sukar untuk hidup mengikut kadar kemampuan mereka kerana terpengaruh dengan budaya pengguna masa kini. Kemudahan kredit yang tersedia dan pengaruh iklan merangsang individu agar terus membeli sehingga menyukarkan lagi pengguna untuk lari daripada budaya berhutang. Mereka cenderung berbelanja mewah untuk sesuatu keraian agar tidak berasa malu dan ketinggalan. Ini kerana, gelagat hidup bermewah dan perkembangan trend yang terus menular akan mengheret individu kepada tabiat berhutang sehingga mendorong berlakunya masalah kewangan yang tenat (Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor, Mohammed Nor & Rizki Moi, 2015). Akibatnya, mereka terjerumus dengan masalah kewangan sehingga menjejaskan peribadi, kerjaya dan kehidupan individu itu sendiri.

Kesejahteraan kewangan akan mempengaruhi keseimbangan seseorang dalam mengawal pengurusan kewangan serta kerjaya secara berhemah. Dalam proses penyampaian serta penerapan ilmu kepada anak bangsa, guru merupakan domain utama yang dipertanggungjawabkan, maka tahap kesejahteraan kewangan serta kepuasan kerja mereka perlulah diberi perhatian. Tambahan pula, kesejahteraan kewangan seseorang individu mempunyai hubungan dengan prestasi dan kepuasan kerja di mana individu yang mampu menguruskan

ISSN : 2232-0474 I E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

kewangan dengan baik akan melahirkan pekerja yang lebih dedikasi dan cemerlang (Kim, Sorhaindo & Garman, 2004). Oleh itu, kesejahteraan kewangan perlu diberi perhatian serius kerana kesukaran dan tekanan menguruskan kewangan serta tingkah laku kewangan mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan kewangan (Kim et al. 2004; Xiao, Sorhaindo & Garman, 2004; Garman & Sorhaindo, 2005).

Justeru itu, kesejahteraan kewangan serta kepuasan kerja guru-guru perlu diberi perhatian bagi melihat sejauh mana hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Ini kerana, kesejahteraan kewangan yang betul dapat menentukan keseimbangan seseorang dalam mengawal pengurusan kewangan secara berhemah. Seterusnya adalah untuk melihat sejauh mana kesannya terhadap kepuasan kerja di sekolah.

Implikasi dan kesan masalah kewangan secara berterusan tanpa sebarang pencegahan boleh menyumbang kepada ketidaksejahteraan kewangan sekaligus menjejaskan kepuasan kerja individu. Elemen pendidikan kewangan telah diperkenalkan secara berperingkat sejak tahun 2014 ke dalam mata pelajaran teras bagi sekolah rendah dan sedang diperkembangkan secara berperingkat. Ini selaras dengan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 yang menyatakan bahawa pendidikan pengurusan kewangan kepada masyarakat Malaysia perlu diterapkan elemen pendidikan kewangan di dalam ekosistem sekolah (Bank Negara Malaysia 2011). Menjelang tahun 2021, semua peringkat persekolahan rendah dan menengah akan didedahkan dengan kemahiran pengurusan kewangan. Justeru Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2016) telah mengeluarkan panduan pelaksanaan pendidikan kewangan sebagai panduan kepada murid-murid sekolah rendah dalam menerapkan pendidikan kewangan kepada mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Penerapan panduan pelaksanaan kewangan yang diterapkan kepada murid-murid merupakan langkah awal untuk mendidik mereka tentang pengetahuan kewangan khususnya dalam proses pembelajaran. Namun begitu, guru juga merupakan domain utama dalam proses pembelajaran dan penyampaian ilmu, maka kesejahteraan kewangan dalam kalangan mereka perlu dipandang serius. Ini kerana, kesejahteraan kewangan guru akan memberi kesan kepada kepuasan kerja di mana produktiviti kerja mereka akan menurun jika berlakunya ketidaksejahteraan kewangan terutamanya di sekolah.

Di Malaysia, pengkaji yang menjalankan kajian kesejahteraan kewangan ini adalah sangat terhad (Nurul, 2005; Husniyah & Fazilah, 2009; Zaimah et al., 2013). Namun begitu, kebanyakannya turut dibincangkan oleh pengkaji luar (Garman, Leech & Grable, 1996; Xiao et al. 2004). Kajian yang dijalankan oleh Zaimah, Sarmila, Habib Ismail (2013), mendapati kebanyakan guru wanita memperolehi kesejahteraan kewangan di tahap yang sederhana. Tahap kesejahteraan kewangan meliputi sosio ekonomi mereka seperti umur, tempoh perkhidmatan dan pendapatan. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran menguruskan kewangan juga diambil kira di dalam mengukur tahap kesejahteraan kewangan ini. Hasil dapatan juga menyatakan faktor umur, jumlah simpanan dan jumlah aset dikatakan mempunyai perbezaan yang signifikan dengan tahap kesejahteraan kewangan mereka. Cadangan daripada kajian tersebut menyatakan bahawa faktor-faktor lain seperti tingkah laku dan pengetahuan kewangan boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah seterusnya menentukan adakah faktor-faktor tersebut mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan guru terutamanya guru wanita.

Kajian yang dijalankan oleh Fazli, Jariah, Laily, Amim, & Nurkhalila (2007) tentang keteguhan kewangan di kalangan belia menyarankan agar pembinaan modul-modul berkaitan pendidikan kewangan (*self learning*) dapat dijadikan sebagai panduan bagi mendalami teknik serta cara menguruskan kewangan secara berhemah perlu dilaksanakan. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Razak & Shah (2016)

ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

mengenai keperluan modul latihan pengurusan kewangan peribadi (PKP) berasaskan Terapi Kognitif Tingkah Laku di mana pengkaji mencadangkan agar perlunya pembinaan modul latihan pengurusan kewangan peribadi agar dapat membantu mengubah tingkah laku penjawat awam di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam menguruskan kewangan peribadi bagi mencapai kesejahteraan kehidupan yang lebih baik.

Kajian yang dijalankan oleh Ruhani (2016) tentang sikap, amalan dan pengetahuan kewangan dalam kalangan ibu tunggal yang memberi kesan terhadap pemerkasaan ekonomi negara. Sebanyak 116 orang ibu tunggal di Pulau Pinang telah dijadikan sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan pendapatan mereka mempunyai hubungan dengan keputusan ekonomi di dalam sesebuah keluarga. Selain itu, didapati pengetahuan kewangan tentang pemerkasaan ekonomi turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan kewangan seperti membuat keputusan ekonomi dalam keluarga, pembuatan keputusan isi rumah dan kebebasan peribadi.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Atiqah, Rusliza, & Abdullah (2017) berkaitan dengan pendidikan kewangan, tahap literasi kewangan dan hubungannya dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan serta hubungan antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 254 orang usahawan mini RTC Zon Utara. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan.

Zaimah, Sarmila, Azima, Suhana, Aznie & Novel, (2015) turut menjalankan kajian yang bertajuk pembuatan keputusan kewangan pasangan melayu: hubungan antara kuasa dan sumber. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola di dalam keluarga dwi-pendapatan iaitu suami dan isteri berbangsa melayu apabila mereka membuat keputusan kewangan. Seramai 391 orang telah dijadikan responden kajian. Hasil kajian mendapati keputusan kewangan kurang penting hanya melibatkan perbelanjaan yang sedikit oleh isteri. Selain itu, di dalam keluarga dwi-pendapatan keputusan kewangan yang dibuat oleh suami dan isteri tidak ada perkaitan dengan pendapatan mereka tetapi ianya dipengaruhi oleh budaya dan agama.

Kajian yang dijalankan oleh Marton Medgyei & Eszter Zolyomi (2016) yang bertajuk kepuasan kerja dan situasi kepuasan kewangan serta kesannya terhadap kepuasan kehidupan. Kajian ini dijalankan terhadap individu yang telah bekerja sama ada bekerja secara sepenuh masa mahupun separuh masa. Kajian ini menggunakan alat ukur di dalam modul yang mana skala pengukurannya adalah 0 (sangat tidak puas) hingga 10 (sangat puas). Hasil kajian mendapati gaji yang tinggi akan meningkatkan lagi kepuasan kerja individu.

Kajian yang sama telah dijalankan oleh Nurjannah & Abdul Said Ambotang (2018) yang bertajuk hubungan iklim sekolah terhadap kepuasan kerja guru tingkatan 6 Zon Pantai Timur Sabah. Tujuan kajian adalah untuk mengetahui tahap kepuasan kerja dan iklim sekolah yang meliputi domain persekitaran dalaman (pembangunan diri, kemajuan kerjaya, status kerja, pengiktirafan, komunikasi, polisi & prosedur, pekerja itu sendiri) dan domain persekitaran luaran (kehidupan peribadi, hubungan dalam organisasi kerja, jaminan keselamatan, pencemaran). Kajian ini melibatkan 196 orang guru tingkatan 6. Kajian menunjukkan guru tingkatan 6 di Zon Pantai Timur Sabah memperolehi kepuasan kerja di tahap yang sederhana.

Kesimpulannya, kebanyakan penyelidik menyatakan kewangan merupakan aspek penting dalam kehidupan. Individu yang mempunyai pengetahuan kewangan akan mempengaruhi amalan dalam membuat keputusan kewangan. Pendedahan berkaitan literasi kewangan dapat meningkatkan lagi kesejahteraan kewangan

ISSN : 2232-0474 I E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

mereka. Di dalam sesebuah organisasi, gaji umpamanya merupakan salah satu aspek penting dalam menentukan kepuasan kerja. Semakin memeperolehi gaji yang tinggi semakin dikatakan memperolehi kepuasan kerja yang tinggi. Ini bermakna, mereka yang sejahtera dari aspek pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan emosi kewangan secara tidak langsung turut memberi kesan terhadap kepuasan kerja yang lebih baik.

Terdapat beberapa kajian menyentuh tentang kesejahteraan kewangan namun tidak banyak kajian melihat sejauh mana hubungan kesejahteraan kewangan dengan kepuasan kerja terutamanya terhadap guru-guru di sekolah. Di dalam sesebuah organisasi, manusia lebih suka mempamerkan sikap bersahaja dalam melaksanakan tugasan yang diberi (Van Fleet, 2006). Ini kerana, mereka melihat bahawa kepuasan kerja berdasarkan faktor instrinsik dan faktor ekstrinsik tidak boleh menentukan seseorang itu untuk membuat keputusan sama ada untuk berhenti secara sukarela. Walaubagaimanapun, seseorang pekerja sanggup mengambil keputusan untuk berhenti kerja semata-mata ingin mencari kepuasan kerja yang lebih baik sekiranya gaji yang diterimanya tidak dapat memenuhi kepuasan mereka (Fisher & Lock, 1992; Tang & Gilbert, 1995). Kepuasan kerja intrinsik dan ekstrinsik termasuklah kewangan dan gaji. Di dalam kesejahteraan kewangan pengkaji melihat faktor pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi turut memberi kesan dalam kesejahteraan kewangan. Faktor-faktor tersebut juga dikatakan memberi kesan kepada kepuasan kerja individu. Justeru itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan dan tahap kepuasan kerja guru. Pengkaji juga ingin mengkaji hubungan kesejahteraan kewangan dengan kepuasan kerja guru khususnya di sekolah.

Teori Kajian : Teori Modal Manusia (Becker, 1964)

Teori ini merupakan teori ekonomi yang berfokuskan kepada kewangan. Teori ini menyatakan manusia ialah pelaburan kepada negara. Oleh itu, Untuk membuat pelaburan perlulah ada ilmu tentang kewangan. Pelaburan yang dimaksudkan ialah dengan menghadiri kursus-kursus, bengkel-bengkel atau program-program yang berkaitan dengan kewangan. Ilmu dan pengetahuan yang diperolehi akan membantu individu menguruskan kewangan dengan baik. Justeru itu, pengetahuan kewangan sangat penting kepada setiap individu agar dapat membantu membuat pilihan yang tepat apabila berhutang. Kurangnya pengetahuan kewangan mendorong manusia sukar untuk menguruskan kewangan dengan baik.

Teori Kajian : Teori Dua Faktor Herzberg (Herzberg, Mausner Dan Synderman,1959)

Herzberg, Maunsner dan Synderman (1959) mengaitkan kepada dua faktor iaitu faktor instrinsik (motivasi) dan faktor ekstrinsik (hygiene). Dua faktor ini dapat dikaitkan dengan faktor pekerjaan yang dapat diklasifikasikan fungsinya sama ada ke arah kepuasan kerja atau ketidakpuasan kerja. Teori ini menyatakan bahawa semakin tinggi faktor intrinsik (motivasi) individu semakin meningkat kepuasan kerja mereka. Manakala semakin tinggi faktor ekstrinsik (hygiene) individu semakin menurun kepuasan kerja mereka.

Faktor intrinsik (motivasi) merupakan faktor pendorong kepada individu untuk bekerja. Hal ini menyebabkan, individu dapat meningkatkan kepuasan bekerja di dalam organisasi. Aspek-aspek yang terdapat di dalam faktor instrinsik ialah pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, kerja dan tanggungjawab. Kesemua aspek ini jika dapat dipenuhi maka semakin tinggi kepuasan kerja individu untuk bekerja di dalam organisasi.

ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

Faktor ekstrinsik (hygiene) adalah penggerak kepada individu terhadap keadaan individu yang tiada kepuasan untuk bekerja ke satu tahap maksimum yang akan membawa kepada ketidakpuasan bekerja atau kepuasan bekerja. Mereka bekerja hanya semata-mata faktor-faktor luaran tersebut sekaligus tidak bekerja secara produktif di sebabkan faktor ekstrinsik tidak dapat dipenuhi dengan sepenuhnya. Aspek-aspek yang terdapat di dalam faktor ekstrinsik ialah keselamatan, penyeliaaan, hubungan interpersonal, gaji, status dan persekitaran kerja.

Berdasarkan Teori Modal Manusia, penfokusan adalah untuk memberi pengetahuan tentang pengurusan kewangan melalui program-program yang akan dijalankan. Program-program begini akan meningkatkan lagi pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi tentang kewangan kepada guru-guru. Ini kerana, melalui teori ini, individu yang melibatkan diri dengan program-program kewangan akan membantu menguruskan kewangan dengan lebih berhemah sekaligus akan meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Pengkaji ingin melihat sejauh mana tahap kesejahteraan kewangan guru-guru sebelum dibantu melalui program-program lanjutan yang lain. Walaubagaimanapun, melalui Teori Dua Faktor Herzberg pula, kepuasan kerja guru-guru bergantung kepada dua faktor iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Faktor instrinsik misalnya jika dipenuhi maka ianya akan meningkatkan kepuasan kerja. Contohnya jika guru-guru diberi pengiktirafan maka kepuasan kerja mereka lebih tinggi. Namun begitu, jika faktor ekstrinsik dipenuhi maka guru-guru akan terlalu bergantung kepada faktor tersebut. Contohnya, jika gaji tidak dinaikkan atau tidak berubah maka kepuasan kerja boleh menurun. Pengkaji turut melihat tahap kepuasan kerja guru-guru di sekolah seterusnya melihat perkaitan hubungan antara kesejahteraan kewangan dengan kepuasan kerja guru-guru di sekolah.

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dan korelasi. Reka bentuk deskriptif melibatkan peratusan tahap pemboleh ubah, manakala reka bentuk korelasi melibatkan analisis hubungan antara pemboleh ubah. Kaedah kajian yang dijalankan juga adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Pengkaji memilih guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai jantina, bangsa dan agama.

Populasi kajian adalah terdiri daripada guru-guru di sebuah daerah di Negeri Perlis. Pengkaji memilih populasi kajian melalui persampelan rawak mudah. Daripada Negeri Perlis, pengkaji memilih populasi kajian iaitu daripada guru-guru di sebuah daerah di negeri tersebut iaitu seramai 209 orang guru (Laman Web Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Sebanyak tujuh buah sekolah yang terlibat di dalam derah tersebut.

Soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian melalui aplikasi *google form*. Sebanyak 209 soal selidik telah diberikan kepada guru-guru melalui pautan link yang disediakan. Namun begitu, soal selidik yang lengkap diisi dan dipulangkan semula oleh responden adalah sebanyak 103. Justeru itu, pengkaji menganalisa data berdasarkan bilangan data responden yang ada.

Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A : Demografi, Bahagian B : Kesejahteraan Kewangan dan Bahagian C : Kepuasan Kerja.

Instrumen Kesejahteraan Kewangan telah dibina oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, KPM bersama-sama penyelidik (2018) untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Instrumen ini mengandungi 55 item yang terdiri daripada 4 konstruk utama iaitu pengetahuan kewangan (26 item), pemikiran kewangan (11 item), tingkah laku kewangan (12 item) dan emosi

ISSN : 2232-0474 I E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

kewangan (6 item). Proses rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen telah melibatkan semua guru-guru di seluruh Malaysia. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah .89.

Seterusnya Instrumen *Minnesota Statisfaction Questionnaire* (MSQ). Instrumen ini dibina oleh Weiss, Dewis, England & Lofquit, 1976 untuk mengukur tahap kepuasan kerja individu sama ada secara dalaman atau luaran. Soal seldik ini mengandungi 20 item yang terdiri daripada 2 faktor iaitu kepuasan intrinsik (12 item) dan kepuasan ekstrinsik (8 item). Kepuasan instrinsik terdiri daripada pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, kedudukan kerja dan tanggungjawab. Manakala kepuasan ekstrinsik terdiri daripada persekitaran kerja, penyeliaan, hubungan, interpersonal, status dan gaji serta keselamatan. Penyelidik merujuk instrumen ini di dalam *Minnesota Satisfaction Questionnaire - Psychometric Properties and Validation* (2012). Nilai kebolehpercayaan .90.

Hasil Kajian

Analisa

Jadual 1 : Data kajian berdasarkan demografi responden (n = 103)

Demografi	Bilangan N	Responden (n=103) %
Jantina		
Lelaki	20	19.4
Perempuan	83	80.6
Bangsa		
Melayu	78	75.7
Cina	19	18.4
India	3	2.9
Bumiputera Sabah/Sarawak	1	1.0
Lain-lain	2	1.9
Agama		
Islam	78	75.7
Budha	18	17.5
Hindu	3	2.9
Kristian	3	2.9
Lain-lain	1	1.0
Umur		
20 tahun ke bwah	3	2.9
Melebihi 20-30 tahun	58	56.3
Melebihi 30-40 tahun	36	35.9

ISSN : 2232-0474 l E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

Melebihi 40-50 tahun	6	5.8
Organisasi		
Sekolah Rendah	64	62.1
Sekolah Menengah	39	37.9
Status		
Bujang	40	38.8
Berkahwin	61	59.2
Janda/Duda	2	1.9
Pendapatan Bulanan		
RM 1,001.00 – RM 5,000.00	87	84.5
RM 5,001.00 – RM 10,000.00	13	12.6
RM 10,001.00 – RM 15,000.00	0	0
RM 15,001.00 – RM 20,000.00	1	1.0
> RM 20,001.00	2	1.9
Kumpulan Sasaran		
gred 54	3	2.9
gred 52	2	1.9
gred 48	3	2.9
gred 44	10	9.7
gred 41	83	80.6
DGA 38	2	1.9
Tahun Bekerja		
1- 5 tahun	60	58.3
6 - 10 tahun	31	30.1
11 – 15 tahun	7	6.8
16 – 20 tahun	1	1.0
21 – 25 tahun	2	1.9
26 – 30 tahun	2	1.9
Kekerapan Bertukar Kerja		
1 kali	18	17.5
2 kali	26	25.2
3 kali	10	9.7
4 kali	4	3.9

ISSN : 2232-0474 I E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

5 kali	2	1.9
6 kali	1	1.0
7 kali	1	1.0
Tiada	41	39.8

Kajian ini melibatkan 103 orang guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh Malaysia. Merujuk kepada jadual, daripada 103 responden, 20 (19.4%) adalah lelaki dan 83 (80.6%) adalah perempuan. Dapatan data juga menujukkan seramai 78 (75.7%) adalah melayu, 19 (18.4%) adalah cina, 3 (2.9%) adalah india, 1 (1.0%) adalah bumiputera Sabah/Sarawak dan 2 (1.9%) adalah lain-lain. Selain itu, dari aspek agama, seramai 78 (75.7%) adalah islam, 18 (17.5%) adalah budha, seramai 3 (2.9%) beragama hindu dan Kristian dan 1 (1.0%) adalah agama lain-lain. Seterusnnya, bagi aspek umur pula, seramai 3 (2.9%) berumur 20 tahun ke bawah, seramai 58 (56.3%) melebihi 20 hingga 30 tahun, seramai 36 (35.9%) berumur melebihi 30 tahun hingga 40 tahun dan seramai 6 (5.8%) berumur melebihi 40 hingga 50 tahun. Bagi organisasi pula, seramai 64 (62.1%) mengajar di sekolah rendah manakala seramai 39 (37.9%) mengajar di sekolah menengah. Seterusnya, untuk bilangan status seramai 40 (38.8%) adalah guru bujang, 61 (59.2%) adalah guru yang sudah berkahwin manakala seramai 2 (1.9%) adalah guru berstatus janda/duda.

Bagi pendapatan bulanan pula, seramai 87 (84.5%) memperolehi pendapatan sebanyak RM 1,001.00 – RM 5,000.00, seramai 13 (12.6%) memperolehi pendapatan sebanyak RM 5,001.00 – RM 10,000.00, seramai 1 (1.0%) memperolehi pendapatan sebanyak RM 15,001.00 – RM 20,000.00 dan seramai 2 (1.9%) memperolehi pendapatan sebanyak > RM 20,001.00. Seterusnya, bagi kumpulan sasaran pula, seramai 3 (2.9%) dari gred 54, seramai 2 (1.9%) dari gred 52, seramai 3 (2.9%) dari gred 48, seramai 10 (9.7%) dari gred 44, seramai 83 (80.6%) dari gred 41 dan seramai 2 (1.9%) dari gred DGA38. Bagi aspek bilangan tahun bekerja pula, seramai 60 (58.3%) telah bekerja selama 1- 5 tahun, seramai 31 (30.1%) telah bekerja selama 6 - 10 tahun, seterusnya seramai 7 (6.8%) telah bekerja selama 11 – 15 tahun, seramai 1 (1.0%) telah bekerja selama 16 – 20 tahun, seramai 2 (1.9%) telah bekerja selama 21 – 25 tahun dan seramai 2 (1.9%) juga telah bekerja selama 26 – 30 tahun. Manakala kekerapan bertukar kerja pula, seramai 18 (17.5%) telah bertukar sebanyak 1 kali, seramai 26 (25.2%) bertukar sebanyak 2 kali, seramai 10 (9.7%) telah bertukar sebanyak 3 kali, seramai 4 (3.9%) telah bertukar sebanyak 4 kali, seramai 2 (1.9%) telah bertukar sebanyak 5 kali, seramai 1 (1.0%) telah bertukar sebanyak 6 kali, seramai 1 (1.0%) telah bertukar sebanyak 7 kali dan seramai 41 (39.8%) belum pernah bertukar tempat kerja.

1) Tahap Kesejahteraan Kewangan Guru-Guru

Jadual 2 menunjukkan peratusan tahap kesejahteraan kewangan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia.

ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

Jadual 2 : Peratusan Tahap Kesejahteraan Kewangan Guru-Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia (n= 103)

Tahap	Bilangan	Peratusan %
Rendah	8	7.8
Sederhana	44	42.7
Tinggi	51	49.5

Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 7.8% iaitu seramai 8 orang guru berada di tahap rendah. Bagi tahap sederhana pula sebanyak 42.7% iaitu seramai 44 orang guru berada di tahap sederhana manakala sebanyak 49.5% iaitu seramai 51 orang guru berada di tahap tinggi. Oleh itu, didapati kebanyakkan guru memperolehi tahap tinggi bagi tahap kesejahteraan kewangan mereka diikuti tahap sederhana dan tahap rendah.

2) Tahap Kepuasan Kerja Guru-Guru

Jadual 3 menunjukkan peratusan tahap kepuasan kerja guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadual 3 : Peratusan Tahap Kepuasan Kerja Guru-Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia (n= 103)

Tahap	Bilangan	Peratusan %
Rendah	33	32.0
Sederhana	54	52.4
Tinggi	16	15.5

Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 32% iaitu seramai 33 orang guru berada di tahap rendah. Bagi tahap sederhana pula sebanyak 52.4% iaitu seramai 54 orang guru berada di tahap sederhana manakala sebanyak 15.5% iaitu seramai 16 orang guru berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhannya kebanyakkan guru memperolehi tahap sederhana bagi tahap kepuasan kerja mereka diikuti tahap rendah dan tahap tinggi.

ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

3) Hubungan Kesejahteraan Kewangan dengan Kepuasan Kerja Guru-Guru

Jadual 4 menunjukkan hubungan pembolehubah kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadual 4 : Hubungan Kesejahteraan Kewangan dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Di Kementerian Pendidikan Malaysia (n= 103)

	Kepuasan Kerja	
	R (Korelasi Pearson)	**P Sig. (2-tailed)**
Kesejahteraan Kewangan	.290	.003**

****Korelasi adalah signifikan pada nilai 0.01**

Daripada keputusan di atas, didapati terdapat hubungan antara kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja di mana korelasi menunjukkan .290 dengan nilai p yang diperolehi adalah .003 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ($r(103) = .290$, $p < .05$). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara kesejahterana kewangan dengan kepuasan kerja bagi guru-guru di KPM. Oleh itu, hipotesisi nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima.

Perbincangan

Hasil daripada dapatan kajian, persoalan dan hipotesis kajian telah dianalisa secara kaedah deskriptif dan inferensi. Dapatan data daripada persoalan pertama kajian menunjukkan tahap kesejahteraan kewangan guru-guru berada pada tahap tinggi iaitu 49.5% (51) berbanding tahap sederhana sebanyak 42.7% (44) dan tahap rendah 7.8% (8). Kajian yang dijalankan oleh Mahmoud, Shahnaz dan Zahra (2013) tentang tahap kesejahteraan kewangan guru dan hubungannya dengan jantina, umur, status perkahwinan serta tahap pendidikan mendapati tahap kesejahteraan kewangan guru adalah melebihi 60%. Selebihnya iaitu 40% lagi mereka kekurangan latihan dan maklumat dalam bidang kewangan. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Zaimah, Sarmila dan Habib (2013) tentang kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita mendapati tahap kesejahteraan guru berada pada tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Zaimah, Jariah, Sharifah, Mumtazah, MS Sarmila dan Abd Hair (2014) turut mendapati tahap kajian kesejahteraan kewangan guru yang berkahwin adalah pada tahap sederhana.

Seterusnya, bagi persoalan kedua kajian iaitu melihat tahap kepuasan kerja didapati bahawa guru-guru memperolehi peratusan tertinggi pada tahap sederhana iaitu 52.4% (54) berbanding tahap rendah iaitu 32.0% (33) dan tahap tinggi iaitu 15.5% (16). Dapatan kajian turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Shahrin dan Saraswathi (2017) tentang kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah Daerah Kulai. Dapatan kajian mendapati tahap kepuasan kerja guru-guru berada di tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Khalid Al Tayyar (2014) pula mendapati kepuasan kerja guru sekolah menengah di Arab Saudi berada di tahap sederhana apabila ianya dipengaruhi oleh sistem pendidikan, penyelia, sosial, beban kerja, gaji dan kenaikan pangkat.

ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232.0482
www.gjat.my

Selain itu, hasil dapatan turut menjawab hipotesis kajian. Hipotesis kajian mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru di Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Hasil dapatan kajian didapati selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wilmie, Jaco Fouche, Jaco Barnard (2014) di mana keputusan kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara kepuasan kerja dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja. Kesejahteraan kewangan yang lebih tinggi menyumbang kepada prestasi dan kepuasan kerja yang lebih baik. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Nadiah, Amizawati dan Siti Farahhani (2019) yang bertajuk prestasi kerja dan ganjaran kewangan guru di sekolah kerajaan. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang positif diantara prestasi kerja dengan ganjaran kewangan. Faktor ganjaran yang tinggi akan meningkatkan lagi kepuasan dan prestasi kerja begitu juga sebaliknya.

Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi. Walaupun kajian lepas ada menunjukkan kesejahteraan kewangan guru-guru berada di tahap sederhana namun ianya boleh berubah dari semasa ke semasa. Dengan perkembangan ilmu tentang kewangan yang makin meluas seperti program-program kewangan yang diadakan tambahan pula saluran-saluran media cetak dan elektronik yang rancak menyebarkan maklumat serta info tentang kewangan ianya sangat membantu dalam mengenali ilmu kewangan khusunya guru-guru. Dengan ilmu kewangan yang diperolehi menunjukkan bahawa kesejahteraan kewangan guru-guru adalah berada di tahap yang baik.

Namun demikian, dapatan tahap kepuasan kerja guru-guru didapati berada di tahap yang sederhana. Keadaan ini menyebabkan keperluan faktor instrinsik dan ekstrinsik guru-guru akan mepengaruhi kepuasan kerja mengikut keadaan mereka. Ada kalanya ianya memberi kepuasan yang tinggi dan ada kalanya ianya memberikan kepuasan yang sederhana. Pemberian gaji misalnya mungkin salah satu faktor yang menyebabkan kepuasan kerja berkurangan apabila tiada kenaikan gaji. Begitu juga dengan penghargaan yang jarang diberikan kepada guru-guru menyebabkan kepuasan kerja mereka hanyalah berada di tahap sederhana. Oleh itu, faktor intrinsik dan ekstrinsik perlu diberi perhatian secukupnya bagi memastikan kepuasan kerja guru-guru lebih baik.

Selain itu, dapatan kajian menujukkan terdapat hubungan antara kesejahteraan kewangan dengan kepuasan kerja guru-guru. Bertepatan dengan kebanyakan kajian lepas yang menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kesejahteraan kewangan akan menunjukkan kepuasan kerja yang tinggi. Pemberian gaji umpamanya akan mendorong guru-guru untuk merasai kepuasan kerja sebagai seorang guru. Dalam hal ini, pihak sekolah juga boleh bertindak agar faktor instrinsik dan faktir ekstrinsik perlu diaplikasikan kepada guru-guru agar ianya sentiasa mendapat perhatian terhadap kepuasan kerja mereka. Justeru itu, kesejahteraan kewangan guru-guru perlu dititikberatkan agar ianya releven dalam memastikan kepuasan kerja mereka dapat dipenuhi dengan sewajarnya.

Cadangan

Berdasarkan hasil kajian, beberapa cadangan dapat dikemukakan kepada pengkaji-pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian pada masa akan datang serta berhasrat untuk menjalankan kajian dalam aspek yang sama. Di dalam kajian ini sasaran responden terhadap guru-guru di sebuah daerah di Negeri Perlis adalah kecil jumlah populasinya. Kajian yang akan datang mungkin boleh diperluaskan lagi skopnya iaitu dengan mengambil responden dalam kalangan guru-guru di seluruh Malaysia. Ini kerana, kajian lepas menunjukkan tahap kesejahteraan kewangan berada di tahap sederhana namun ianya guru-guru dalam kalangan sebuah daerah di Negeri Selangor.

Justeru itu, jika dapat diperluaskan skop responden kajian ianya lebih menyeluruh mewakili tahap kesejahteraan guru-guru di seluruh Malaysia.

Selain itu, berdasarkan kajian lepas dan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru kebanyakannya berada di tahap sederhana. Justeru itu, kajian mengadakan dan mewujudkan intervensi dalam meningkatkan lagi kesejahteraan kewangan serta kepuasan kerja khususnya terhadap guru-guru boleh dijalankan seperti membina modul, psiko pendidikan, bimbingan dan sebagainya. Dengan intervensi yang dijalankan dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksejahteraan kewangan dan ketidakpuasan kerja guru-guru. Hal ini dapat membantu meningkatkan lagi kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru-guru.

Seterusnya, analisa kajian juga boleh diperluaskan dengan melihat perbezaan pemboleh ubah berdasarkan demografi kajian seperti perbezaan kesejahteraan kewangan guru berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gred perjawatan serta perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan pengalaman bekerja dan umur.

Penutup

Secara kesimpulannya, dapatan kajian yang dijalankan telah memenuhi objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Dengan dapatan yang diperolehi dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti sekolah untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja guru-guru mereka. Dengan dapatan tahap kesejahteraan kewangan serta tahap kepuasan kerja guru-guru ianya dapat merancang pelbagai program atau aktiviti yang sewajarnya terhadap guru-guru lebih awal. Di samping itu, walaupun tahap kesejahteraan kewangan guru berada di tahap tinggi dan tahap kepuasan kerja guru berada di tahap sederhana namun kedua-dua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan yang signifikan walaupun tidak dapat dipastikan lagi yang mana satu penyumbang utama antara keduanya. Dapatan kajian tersebut boleh dijadikan sumber rujukan untuk membantu guru-guru agar dapat meningkatkan kesejahteraan kewangan dan kepuasan kerja mereka melalui pelbagai alternatif serta saluran yang berkaitan.

Oleh yang demikian, diharapkan semua pihak akan mendapat manfaat dan menjadikan kajian ini sebagai panduan serta sumber rujukan yang berguna dalam bidang kewangan dan kerjaya khusunya dari aspek psikologi dan kaunseling.

Rujukan

Atiqah, A. T. N., Rusliza, Y., & Abdullah, J. M. (2017). Pendidikan Kewangan, Tahap Literasi Kewangan dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara. *International Journal Of Accounting, Finance and Business*, *2*(5), 123–135.

Bank Negara Malaysia. 2011. Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. (Atas talian)

www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm (17 Februari 2018)

Becker, Gary S.., Human Capital: A Theoritical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education (1964). University of Illinoins at Urbana-Champaign's Academy for Entrepreneurial Leadership Historical Research in Enterpreneurship. Available at SSRN: http://ssrn.com/abstract=1496221

Data Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. (Atas talian) https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-guru-perlis

Fazli, S. M., Jariah, M., Laily, P., Amim, O. M., & Nurkhalila, N. (2007). Kajian keteguhan kewangan di kalangan belia

Fisher, C., & Locke, E.A. (1992). The new look in job satisfaction theory and research. New York: Lexington Books.

Garman, E. T., Leech, I. E., & Grable, J. E. (1996). The negative impact of employee poor personal financial behaviors on employers. Financial Counseling and Planning Education. 7: 157-168.

Garman, E.T. & Sorhaindo, B. (2005). Delphi study of experts' rankings of personal finance concepts important in the development of the InCharge financial distress/financial well-being scale. Consumer Interests Annual, 51. Retrieved July 6, 2005, from www.consumerinterests.org/i4a/pages/Index.cfm?pageid=4040

Herzerg, F., Mausner, B., & Snyderman, B. B. (1959). *The Motivation To Work*. John Wiley: New York

Husniyah Abdul Rahim & M. Fazilah Abdul Samad. (2009). The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. Jurnal Pengguna Malaysia, 12, 27-41.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan. (Atas talian) https://cms.mrsm.edu.my/.../005%20Panduan%20Pendidikan%20K (20 Februari 2018)

Khalid Al Tayyar. (2014). *Job Satisfaction and Motivation Amongst Secondary SchoolTeachers In Saudi Arabia, PHD thesis, University of York.*

Kim, J., Garman, E. T. & Sorhaindo, B. (2003). Relationships among credit counseling clients'financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. Financial Counseling and Planning Education 14(2): 75-87.

Kim, J., Sorhaindo, B. & Garman, E. T. (2004). financial stress and work outcomes of credit counseling clients. Consumer Interest Annual 50: 128-130.

Mahmoud Moein Addin, Shahnaz Nayebzadeh, Zahra Bahonar (2013). An Assessment og the Degree of Teachers' Financial Well-being and Study of its Relationship with Demographic Variables, *Journal Of Contemporary Research In Business: Vol 5, No 5.*

Marton Medgyei & Eszter Zolyomi (2016). Job Satisfaction and Satisfaction in Financial Situation and Their Impact on Life Satisfaction. *General Fior Employment, Social Affairs and Inclusion, Research Note 6/2016*

Nadiah Bani, Amizawati, Siti Farahani (2019). Ganjaran dan Prestasi Kerja Guru Sekolah Kerajaan, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan: Vol 6, 4.*

Nordiana Abd Rahim (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Warga Kementerian Pendidikan Malaysia, *Jurnal Psikologi dan Kaunseling: Bilangan 9, 65-82.*

Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor, Mohammed & Rizki Moi (2015). Gelagat Hutang Isi Rumah Mengikut Kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. Malaysia Journal of Society and Space 11 Issue 11 (110-119) 2015, ISSN 2180-2491.

Nurjannah F.A Kariming, Abdul Said Ambotang (2018). Hubungan Iklim Sekolah Terhadap Kepuasan Kerja Guru Tingkatan 6 Zon Pantai Timur Sabah, *Jurnal Komunikasi Borneo: Vol 6*

Nurul Shahnaz, Ahmad Mahdzan, & M. Fazilah Abdul Samad. (2005). Financial management practices of married couples in urban Malaysia. Malaysian Journal of Consumer and Family Economics, 8, 40-50

Razak, S. A., Aziz, M. A. M., & Hasrulnizam, I. (2016). Keperluan Modul latihan Pengurusan Kewangan Peribadi-Aspek Pengurusan Perbelanjaan dan Pelaburan Di Kalangan Penjawat Awam. In *2nd. International Social Development Conference 2016.*

Ruhani, M. Y. S. (2016). *Peranan Sikap, Pengetahuan dan Amalan Kewangan Terhadap Pemerkasaan Ekonomi Ibu Tunggal*.

Shahrin Hashim dan Saraswathi Vani (2017). *Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kulai*.

Siraj, S., & Ibrahim, M. S. (2012). Standard kompetensi GUru malaysia. *Kertas Kerja Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar/ ...*, 1–13. Retrieved from http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Pengajaran+Kemahiran+Berfikir+Aras+Tinggi+:+Kesediaan+Guru+Mengendalikan+Proses+Pengajaran+Pembelajaran#0%5Cnhttp://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/html/159.htm

Sousa, J., Cruz, A. and Martins, H. (2012), "Minnesota Satisfaction Questionnaire – Propriedades Psicométricas e Validação numa População de Profissionais de 19 Farmácia", Paper presented at the Jornadas de Iniciação à Investigação Clínica, Centro Hospitalar do Porto, Portugal, 2011.

Tang, T.L.P., & Gilbert, P.R. (1995). Attitudes toward money as related to intrinsic and extrinsic job satisfaction, stress, and work related attitudes. Personality and Individual Difference. 19: 327-332.

Van Fleet, D.D. & R. W. Griffin (2006). Dysfunctional Organization Culture: The Role of Leadership in Motivating Dysfinctional Work Behaviours. Journal of Managerial Psychology. Vol. 21, No.8, ms 698-708.

Weiss, D. J., D., R. V., England, G. W., & Lofquist, L. H. (1976). *Manual for the Minnesota Satisfaction Questionnaire* (Minnesota Studies in Vocational Rehabilitation, No 22)

Wilmie Vosloo, Jaco Fouche, Jaco Barnard (2014). The Relationship Between Financial Efficacy, Satisfaction With Remuneration And Personal Financial Well-Being, *Internation Business & Economics Research Journal: Vol 13, 6*

Xiao, J. J., Newman, B. M., Prochaska, J. M., Leon, B., Bassett, R. L., & Johnson, J. L. (2004). Applying the transtheoretical model of change to consumer debt behavior.

Journal of Financial Counseling and Planning, 15(2), 89–100

Zaimah, R., Sarmila, M.S., & Habib Ismail. (2013). Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Guru Wanita, *47*(2), 129–136.

Zaimah, R., Abd Hair Awang., Sarmila, M.S., Jariah Masud., Sharifah Azizah Haron., & Mumtzah Othman (2014). Faktor-Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Sektor, *9*, 804–812.

Zaimah, R., Sarmila, M. ., Azima, A. ., Suhana, S., Aznie, C. R. R., & Novel, L. (2015). PEMBUATAN KEPUTUSAN KEWANGAN PASANGAN MELAYU : HUBUNGAN ANTARA KUASA DAN SUMBER. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *10*(2), 160–171.